

Topik 6 TINJAUAN SUKATAN PELAJARAN TAHUN 1

Fokus utama merujuk kepada Model Insan Menyeluruh. menerusi tiga dimensi yang saling berkaitan.

- a) dimensi pemikiran moral merujuk kepada domain kognitif,
- b) perasaan moral lebih merujuk kepada perasaan moral dan
- c) domain tingkah laku merujuk kepada perlakuan moral.

Objektif Pendidikan Moral sekolah rendah tahun satu adalah seperti berikut:

- (i) Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
- (ii) Meningkatkan amalan budi perkerti mulia.
- (iii) Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar.
- (iv) Mengembangkan dan mengaplikasikan pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat sesuatu pilihan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Insan Moral mempunyai tiga komponen berikut:

1. Kandungan:
(i) Peraturan Masyarakat (ii) Keperibadian Mulia
2. Bentuk:
(i) Etika Prinsip (ii) Etika Situasi
3. Dimensi:
(i) Penaakulan (ii) Emosi (iii) Tingkah laku

Etika Prinsip

Bentuk etika insan moral yang berdasarkan prinsip termasuklah prinsip keadilan (kewajipan untuk memberi perlakuan yang sama kepada semua orang dalam memberikan apa yang baik dan apa yang buruk berdasarkan keperluan dan kemampuan). dan kedulian (prinsip yang dikaitkan dengan perasaan moral yang suci dan jernih.).

Etika situasi menyatakan bahawa setiap situasi itu adalah unik dan berlainan dalam semua segi daripada semua situasi lain di dunia. Tindakan seseorang itu dalam satu-satu situasi mesti ditentukan sendiri berdasarkan pertimbangan bebas dan kebebasan memilih tanpa paksaan dari luar.

Ada 3 dimensi yang terlibat, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral.

1. Penaakulan Moral - suatu proses di mana seseorang individu memperkembangkan kebolehan membuat pertimbangan dan / atau keputusan moral yang matang dan tersendiri tanpa dipengaruhi oleh perasaannya dan pandangan orang lain dalam suatu situasi moral.

2. Emosi Moral

Emosi moral memberi perangsangan kepada seorang untuk bertindak secara bermoral dengan yakin dan merupakan sesuatu yang tidak dapat diketepikan dalam suatu keputusan dan tindakan moral kerana manusia mempunyai perasaan.

Untuk menyuburkan emosi moral, seseorang perlu:

- Memahami perasaan orang lain serta diri sendiri dalam sesuatu situasi moral.
- Berupaya menyatakan dengan jelas perasaan-perasaan yang timbul dalam situasi itu.
- Membuat keputusan berdasarkan perasaan yang betul bukan perasaan yang tidak munasabah dalam situasi itu.

3. Tingkah laku Moral

Tingkah laku moral ialah segala yang dilakukan oleh individu berkaitan dengan peraturan moral. Peraturan moral menentukan tingkah laku semasa dan memberi panduan kepada individu pada masa depan dan juga merupakan asas bagi nilai tingkah laku yang lepas.

Organisasi Kandungan

- (i) Nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri.
- (ii) Nilai yang berkaitan dengan Diri dan Keluarga.
- (iii) Nilai yang berkaitan dengan Diri dan Masyarakat.
- (iv) Nilai yang berkaitan dengan Diri dan Alam Sekitar.
- (v) Nilai yang berkaitan dengan Diri dan Negara.

Objektif Pendidikan Moral adalah untuk membolehkan murid:

1. Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia;
2. Meningkatkan amalan budi perkerti mulia;
3. Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar; dan
4. Mengembangkan pemikiran moral, perasaan moral dan amalan moral dalam membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Strategi dan Kaedah

Guru perlu menguasai teknik-teknik pengajaran , perlu suaikan dengan kaedah yang digunakan , bahan Bantu yang sesuai .

TOPIK 7 PENDEKATAN PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL

Konsep Pendekatan Moral

untuk membentuk pelajar berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Terdapat 3 pendekatan :

a) tradisional (*absolutis*) - pengajaran satu set peraturan moral yang kekal dan telah diterima secara langsung oleh masyarakat. Set peraturan moral dalam masyarakat untuk diterima dan dipatuhi oleh pelajar/pelajar tanpa sebarang soalan.Ciri utama pendekatan ini adalah latihan moral dan pembentukan watak, dimana seseorang yang berpendidikan moral ialah seorang yang dapat mengenalpasti kebenaran dalam nilai-nilai dan bertindak berdasarkan pengetahuannya.

b) subjektivis (*relativis*) - nilai-nilai moral adalah arbitrarji dan tidak sempurna . ciri utama pendekatan subjektivis ialah memberikan pemikiran terbuka.

c) Rasionalis- Pendekatan ini menyarankan pembentukan tabiat, khususnya dalam perkembangan aspek moral kanak-kanak yang memainkan peranan penting. seseorang boleh menolak atau menerima peraturan tertentu berdasarkan pada situasi tertentu dan merit.

Kepentingan Pendekatan Moral

Pendekatan biasanya dimaksudkan dengan arah atau hala yang kita ambil untuk menuju sesuatu sasaran. Pendekatan pengajaran merupakan haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran.

TUJUH PENDEKATAN DALAM PENDIDIKAN MORAL

- a. Pemupukan nilai – pelajar dipupuk dgn nilai murni masy utk dijadikan amalan dgn melalui contoh teladan tokoh sejarah, lagenda, tokoh Negara, komuniti, ibubapa, guru dll . Pengukuhan perlakuan positif bagi mengelak perlakuan negative. Guru memanipulasikan keadaan yg dialami oleh murid supaya murid menerima nilai yg dikehendaki. Teknik yg sesuai simulasi, main peranan, cerita, lakonan dan permainan.
- b. Pendekatan bertimbangrasa – pelajar bertindak agar tidak menyinggung perasaan orang lain / bersikap prihatin – bertimbang rasa terhadap perasaan o/lain, memahami pendapat yg berbeza dan belajar menyesuaikan diri dgn o/ lain.Teknik yg sesuai simulasi, perbahasan, perbincangan, projek, temuramah dll.
- c. Pendekatan rasional – Penekanan kpd proses penaakulan dan kem. Membuat analisis terhadap nilai. Pelajar dpt membina kem berfikir secara rasional. 3 bahagian
 - i. Tanggapan ttg maksud niali- plj mesti faham makna nilai dan fungsinya.
 - ii. Tanggapan ttg maksud demokrasi – setiap individu mempunyai harga diri dan peranan masing-masing.

iii. Tanggapan ttg pend. Moral dlm masy. Demokrasi – hak sesorg individu membuat sesuatu pilihan secara bebas dan berautonomi.

Teknik yg digunakan – perbahasan,pidato,forum,projek,pbincangn.

d. Pendekatan Tindakan social – Tindakan yg harus diambil pelajar jika berlakunya konflik sama ada kepentingan diri atau kepentingan orang ramai. Pelajar dilibatkan secara aktif dlm projek berorientasikan masyarakat.

e. Pendekatan Perkembangan Moral kognitif – pelajar berfikir secara rasional dan logic dalam membuat sesuatu keputusan berasaskan nilai masyarakat Malaysia-Guru perlu memberi peluang dan menerima pendapat murid secara terbuka dan membimbang.

Teknik yg sesuai – perbincangan , main peranan, simulasi,lakonan

f. Pendekatan penjelasan nilai – setiap individu berupaya menjelaskan nilai diri masing-masing berdasarkan 4 unsur :

- i. Penumpuan terhadap aspek kehidupan individu
- ii. Penerimaan terhadap pandangan org lain
- iii. mgalakkun sesorang membuat refleksi- ada pilihan lain
- iv. Menghargai keupayaan sendiri dlm mbuat kputusan.

Teknik – bercerita, lakonan,nyanyian,main peranan,forum

g. Pendekatan analisis nilai- Isu-isu semasa dikaji secara jelas sebelum membuat keputusan. Nilai boleh dikelaskan kpd dua iaitu nilai objek dan pertimbangan nilai.

Teknik – perbincangan , perbahasan, kajian kes, forum, projek

PENGENALAN KEPADA APLIKASI PENDEKATAN

PENDIDIKAN MORAL

KAEDAH MAIN PERANAN/SIMULASI

1. Kaedah Main Peranan – melakonkan sesuatu situasi atau masalah atau peristiwa yg dianggap penting. Pelajar diberi peranan mengikut watak dlm situasi yg ditentukan.

Proses Main Peranan :

- a) Dimulakan dgn penyampaian dilema
- b) Apa yg perlu dilakukan oleh watak dalam dilema
- c) Meminta pelajar maikan peranan ikut watak
- d) Merancang b/mana aktiviti main peranan dilakukan
- e) Pelajar lain sebagai pemerhati – menilai
- f) Mberi penekanan kpd aspek perasaan
- g) Perbincangan ttg akibat semasa teknik main peranan
- h) Mbuat keputusan berasaskan generalisasi
- i) Ulang aktiviti mlibatkan plj lain.

2. Kaedah bermain / bercerita –

Kaedah permainan mggunakan kem. Mendengar, bertutur , membaca dan menulis.

- a) Mransang interaksi verbal pelajar
 - b) Menambah kefasihan dan keyakinan
 - c) Menyediakan konteks pembelajaran
 - d) Bertindak sebagai alat yg dapat mengikis rasa bosan
 - e) Sebagai alat pemulihian, pengukuh dan pengayaan.
- Kaedah bercerita – membina kecekapan dan digunakan utk menyampaikan nilai-nilai moral kpd plj. Perkembangan cerita berdasarkan kpd permulaan,kemuncak dan kesudahan cerita dgn guna teknik persembahan, suara, geraklaku dan kawalan mata.
- a) pilih cerita yg sesuai dgn umur,kecerdasan dan minat plj. Dan sesuai dgn isi pelajaran.
 - b) Kaji cerita itu dan masukkan aspek moral.
 - c) Hafazkan frasa dan ayat penting.
 - d) Latih bercerita.
 - e) Kekalkan hubungan baik antara guru dan murid
 - f) Guru bercerita @ gunakan kaset dlm keadaan selesa.
 - g) Bedrcerita dan menyoal berselang-seli
 - h) Guru boleh menggunakan gambar, objek sebenar dll
 - i) Sediakan kad perkataan , frasa yg berkait dgn aspek moral
 - j) Galakkan penyertaan plj disetiap peringkat.

3. Kaedah nyanyian dan lakonan – melath pelajar mggunakan unsur bahasa, paralinguistik (nada,intonasi) dan bukan linguistik (mimik muka, gerak tangan, kepala) dgn berkesan.

Lakonan boleh dilakukan secara spontan tanpa skrip dan berlakon berasaskan skrip yg disediakan.

Lakonan tanpa menggunakan skrip :

- a) Plj perlu memahami cerita dan nilai yg berkaitan
- b) Plj perlu setuju melakonan peranan.
- c) Guru beri tunjuk ajar.
- d) Perbincangan ttg nilai dalam cerita diakhir lakonan.

Lakonan mggunakan skrip

- a) Plj perlu memahami kandungan skrip
- b) Pelakon boleh dipilih
- c) Pelakon mbaca dan mlakon skrip yg berkaitan
- d) Perbincangan ttg nilai dalam cerita diakhir lakonan

Teknik nyanyian

- a) Nyanyikan lagu yg berkaitan dgn nilai moral
- b) Mengajar mengenai senikata lagu
- c) Plj mnyanyi barisan demi barisan
- d) Plj mnyanyi secara keseluruhan
- e) Terangkan nilai drp lagu tersebut.

4. Perbincangan – aktiviti mengeluarkan dan mengulas ttg sesuatu tajuk bertujuan melath plj mengeluarkan pendapat dgn bernas.

- a) Guru menarik perhatian murid terhadap tajuk
- b) Bahagikan kumpulan dan lantik seorg ketua
- c) Setiap kump. Mendapatkan maklumat secara berbincang
- d) Kajian kes- plj berbincang, beri pendapat, melapor.
- e) Guru bergerak kpd semua kumpulan mengarahkan halatu perbincangan.

f) Buat laporan – mjalankan aktiviti penulisan.

5. Kaedah lawatan-

- a) Pilih tempat sesuai dgn penekanan nilai
 - b) Sediakan panduan
 - c) Terangkan perkara utama dan cara menulis laporan
 - d) Sampel laporan : tempat , tarikh/waktu, tujuan, pemerhatian yg dibuat, nilai yg dipelajari, kebenaran ibu bapa.
- Semasra Lawatan
- a) Beri bimbingan dan mengawasi pelajar
 - b) Disiplin dan tingkahlaku semasa lawatan.
- Selepas lawatan
- a) Kumpulkan gambar dan bahan serta pamerkan dlm kelas
 - b) Tuliskan laporan ttg nilai yg dipelajari semasa lawatan.

6. Kaedah Tunjuk cara- sesorg pelajar ditunjukcara utk menyelesaikan sesuatu masalah yg diberi dgn pertolongan guru – merancang, melaksana dan mengumpul data bagi mhasilkkan satu projek.

7. Kaedah Pameran - menggunakan proses mendengar dan melihat utk memberi penjelasan ttg bahan yg dipamerkan.

8. Kaedah Penyelesaian Masalah – mewujudkan interaksi antara guru dan murid. Guru mengemukakan soalan yg berkaitan dgn isi pj

Tujuannya :

- a) Mengesan pengetahuan pelajar
- b) Menggalakkan plj berfikir secara kreatif,inovatif,logik dan kritis
- c) Mendorong plj menyusun dan mhrai bahan yg diajar
- d) Soalan yg bermutu menajamkan pemikiran pelajar

Peranan guru

- a) soalan mesti jelas dan ringkas
- b) Semua pelajar diberi peluang menjawab soalan
- c) Soalan perlu berkait dgn apa yg dipelajari sesuai dgn kebolehan
- d) Soalan diberi mengiklut aras.

9. Kaedah Penyelesaian konflik – dikenali sbagli brainstorming – sesi perbincangan setiap ahli kumpulan memberi pendapat.

- a) Topik perbincanga mesti sesuai dgfn kebolehan dan minat plj
- b) Garis panduan mesti ringkas dan tepat
- c) Semua idea yg diber perlu dicatat
- d) Memilih pengerusi yg betul-betul layak
- e) Setiap ahli diberi peluang kemukakan cadangan
- f) Plj digalakkan beri idea

- g) Perbincangan x formal digalakkan
- h) Peruntukan masa yg mencukupi
- i) Galak guna 5 W
- j) Cadangan /idea tak boleh dikritik
- k) Setiap ahli kumpulan mesti ada pelbagai kebolehan

10. Kaedah penyelidikan – teknik tinjau siasat – merangkumi aspek soal selidik untuk mendapat jawapan yg berorientasikan masalah bagi menimbulkan daya refleksi dikalangan plj
Pengendalian kaedah ini :

- a) Proses mengenali masalah b) mengkaji ramalan c) mengumpul maklumat d) menganalisis e) membuat rumusan.

Topik 8 – Kemahiran dalam P Moral

1. Pembelajaran aktif

- a) Pembelajaran kolaboratif - menekankan proses penyiasatan dan inkuiri – ada intraksi antara plj dgn bahan , plj dgn plj , plj dgn guru.
- b) Pembelajaran kooperatif –kerjasama melibatkan kumpulan atau pasukan pelajar – menyiapkan tugas yg bebas drp kekangan masa, jarak dan tempat.

- i. Salin bergantung antara satu sama lain
- ii. saling berintraksi secara bersemuka
- iii. akauntabiliti individu
- iv. kemahiran kooperatif
- v. pemprosesan kumpulan.

- plj memainkan peranan aktif dlm kumpulan
- guru menyediakan bahan yg mencukupi utk perbincangan
- menerangkan kpd ahli lain dlm pasukan mereka
- menjimat masa proses p&P
- guru berperanan sebagai fasilitator.

c) Pemb./ TOC dan Kajian Masa depan.

Theory of Constraint – faktor yg menyebabkan sesuatu sistem drp mendapat keuntungan yg lebih drp apa yg hendak dicapai.
Apa yg perlu diubah, Kepada apa hendak diubah, bagaimana utk menjalankan perubahan tersebut.

Kajian Masa depan – membolehkan generasi baru merancang dan mewujudkan masyarakat malaysia yg berwawasan, rasional, kreatif, dinamik serta boleh menerima dan menangani segala perubahan.

- berfikir secara kritis dan kreatif
- membuat keputusan ttg masa depan
- mbina sikap & nilai positif ttg masa depan
- berkomunikasi ttg masa depan
- mempunyai pengetahuan ttg masa depan
- mbuat kajian & murus maklumat ttg masa depan

Konsep KMD

- ramalan dibuat ttg trend dan perubahan yg akan berlaku
- menjangka kesan atau akibat fenomena
- menggunakan sumber manusia bagi mengawal, menangani serta mengendalikan perubahan.

Kemahiran khusus KMD

- Pemahaman konsep KMD
- Pengumpulan maklumat
- Ramalan dan analisis
- Imaginasi / kreativiti
- Strategi mengatasi cabaran
- Proses inovasi sosial – kem. Meny. Masalah
- Membina senario- bina gambaran masa depan
- Penjelasan nilai dan masa depan
- Dimensi kemapanan- mencorak dan membentuk masa depan dunia

Cara menjalankan KMD

- Guru menrancang aktiviti
- Memilih tajuk / tema yg sesuai dgn teknik KMD
- Berbincang dgn murid
- Membimbangi murid mencapai KMD dlm hasil kerja seni

Peranan Guru dan Murid dalam Menjayakan Pendekatan

1. Kaedah Pengajaran (Penyampaian)

2. Pemupukan Nilai-nilai Murni

Spiritual Quotient (SQ) merujuk kepada nilai dan kelakuan personal. Ia sebagai satu garisan pemisah terhadap baik dan buruk, betul dan salah.

3. Pendidikan Kesusastraan - Sastera sebenarnya boleh membantu para pelajar menghayati nilai-nilai murni seperti ketinggian moral, etika dan rasa kemanusiaan.

4. Sistem Pendidikan Mentor-Mentee - mempertingkatkan pengetahuan pendidikan agama di kalangan remaja

5. Penubuhan Kumpulan Peningkatan Kualiti –

- (i) Menolong pelajar lemah;
- (ii) Mempertingkat kecemerlangan pelajar;
- (iii) Mengenalpasti punca masalah pelajar;
- (iv) Mengenalpasti faktor kejayaan pelajar;
- (v) Menerangkan projek dan strategi yang dapat membantu; dan
- (vi) Mengawasi kemajuan pelajar melalui proses pemantauan.

6. Melayan Pelajar sebagai Pelanggan - memenuhi kehendak pelanggan iaitu apa-apa yang pelanggan (pelajar) mahu dari kita.

Topik 8 PENDEKATAN PEMUPUKAN NILAI

Pemupukan nilai adalah satu pendekatan yang bertujuan untuk menanamkan set nilai budaya masyarakat ke dalam diri ahli masyarakatnya bagi menjalin kesinambungan budaya masyarakat tersebut.

Pendekatan permupukan nilai boleh dilaksanakan melalui beberapa cara seperti berikut:

1. Melalui contoh teladan daripada tokoh-tokoh sejarah, lagenda, kesusastraan atau yang lebih dekat lagi seperti tokoh negara dan komuniti, ibu bapa, guru serta rakan sebaya.
2. Pengukuhan perlakuan positif melalui pengajaran dan dendaan di mana pelajar diberi pengukuhan kepada tingkah laku yang baik dan mengelak daripada melakukan tingkah laku negatif.
3. Penerangan dan manipulasi di mana guru memberi keterangan serta memanipulasi keadaan atau pengalaman yang dialami oleh pelajar supaya mereka terpengaruh dan menerima dengan baik sesuatu nilai yang dikehendaki.

Ciri-ciri Utama Pendekatan

Penghayatan nilai-nilai murni akan menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

memastikan setiap muridnya sentiasa waspada, ketahanan diri dan benteng bangsa mesti diperkuuhkan dalam semua bidang dan lapangan.

bangsa yang mampu bersaing diperingkat antarabangsa namun dalam masa yang sama masih mengekalkan tunjang budaya setempat.

Negara memerlukan insan yang berkualiti bukan sahaja dari segi pendidikan dan kepakaran modal tetapi juga mereka yang mempunyai keutuhan moral yang tinggi dengan mengutamakan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Teknik yang sesuai untuk melaksanakan pendekatan ini adalah seperti berikut:

1. Main peranan
2. Simulasi
3. Cerita
4. Lakonan
5. Permainan

Kelebihan

untuk mengembalikan semula kesantunan rakyat Malaysia ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang mempunyai sifat-sifat mulia, beradab, bersopan-santun, tersisip dengan semangat perpaduan dantolong-menolong, bertoleransi, saling memahami, cintakan kedamaian, kebersihan dan cintakan negara.

melahirkan masyarakat yang bukan sahaja berilmu malah berperibadi unggul serta

bertanggungjawab bak kata bidalan:

- * Yang sakit dijenguk-jenguk
- * Yang dekat diingat-ingat
- * Yang jauh ditinjau-tinjau
- * Yang kaya disapa-sapa
- * Yang susah dipapah-papah
- * Yang berisi beri-memberi
- * Yang susah rasa-berasa

Kelemahan

Pendekatan ini dinilai mengabaikan hak anak untuk memilih nilainya sendiri secara bebas.

Aktiviti yang Sesuai Berkaitan Pendekatan Ini

Permainan 'Sahibba Moral'

Permainan ini adalah mirip dengan permainan Sahibba, tetapi ia telah diubahsuai untuk dijadikan sebagai satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas matapelajaran Pendidikan Moral mengikut kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Peranan Guru dan Murid dalam Menjayakan Pendekatan Pemupukan Nilai

guru Pendidikan Moral pada kebiasaanya akan mencari contoh-contoh yang relevan yang boleh dicontoh oleh seseorang pelajar umpamanya pemimpin masyarakat, tokoh-tokoh Sejarah dan negarawan-negarawan yang terpilih.

guru Pendidikan Moral perlu menguasai pelbagai budaya dan pengetahuan mengenai agama-agama yang terdapat di Malaysia supaya pengajaran guru menjadi lebih tepat dan efektif.

guru perlu menjadi role model kepada pelajar-pelajar sekolah rendah khususnya kerana peringkat ini peniruan aksi dan tingkahlaku guru menjadi amalan dan ikutan pelajar

guru Pendidikan Moral perlu kreatif dalam menghasilkan cerita, nyanyian dan permainan yang mana pada masa yang sama ia memupuk nilai di kalangan pelajar.

TOPIK 9 PENDEKATAN BERTIMBANG RASA

Dari segi moral, pendekatan bertimbang rasa merupakan kesanggupan seseorang untuk berkorban demi orang lain. Bertimbang rasa, atau dalam kata lain 'mengambil berat' dan 'menyayangi', melibatkan responsif sensitif terhadap orang lain berdasarkan sikap keterbukaan dan perhatian terhadap pengalaman mereka.

H. Lasswell (1976) - kaedah yang digunakan dalam pendidikan tingkahlaku yang mengajar pola-pola perlakuan yang positif bagi amalan seseorang.

McPhail dan rakan-rakannya (1973) telah menyatakan bahawa bagi membantu pelajar sekolah menengah bersikap prihatin terhadap orang lain, mereka perlu belajar membuat pilihan supaya tindakkannya tidak menyenggung perasaan orang lain. Dalam pendekatan ini, sikap 'prihatin' merujuk kepada tiga perkara berikut:

- (i) Bertimbang rasa dan peka kepada keperluan, perasaan serta kepentingan kendiri dan orang lain;
- (ii) Belajar memahami pendapat-pendapat yang berbeza dan bersifat empati; dan
- (iii) Belajar menyesuaikan diri dengan orang lain.

Proses 'membuat pilihan' pula mengandungi tiga unsur berikut:

- (i) Mengenal pasti pilihan;
- (ii) Menimbang kesan-kesan pilihan; dan
- (iii) Membuat keputusan yang bersesuaian sengan apa yang dihargai oleh diri sendiridan orang lain.

Ciri-ciri Utama Pendekatan

Noddings dalam mendefinisikan pendekatan bertimbang rasa adalah seperti berikut:

1. Pengajaran tentang Bertimbang Rasa Bukan Sahaja Memberitahu Seseorang Apa yang Anda Hendak Mereka Belajar

Kita seharusnya bertindak dalam keadaan reseptif atau intuitif. Ini adalah kerana masalah akan timbul apabila kita hendak mengajar

moraliti atau sikap beretika dengan menggunakan pendekatan rasional-kognitif. Antaranya ialah kita gagal untuk berkongsi perasaan, konflik, harapan dan idea yang mempengaruhi pilihan-pilihan kita. Kita hanya berkongsi justifikasi untuk tindakan kita dan bukannya apa yang telah memotivasi kita.

2. Bertimbang Rasa Melibatkan Keinginan, Motivasi dan Kemauhan

Seseorang mengambil berat akan orang lain sekiranya dia merasakan adanya keinginan terhadapnya. Atau dengan kata lain, seseorang itu diambil berat apabila pandangan dan minatnya disukai oleh orang lain.

3. Seseorang Melihat Realiti Orang Lain sebagai Satu Kemungkinan

Mengetahui realiti orang lain, merasai apa yang dia rasai sehampir mungkin adalah perkara yang penting dalam bertimbang rasa. Apabila seseorang melihat reality orang lain sebagai satu kemungkinan dan mula merasai realitinya, dia harus bertindak sewajarnya.

4. Elemen Utama dalam Bertimbang Rasa adalah Menerima Orang yang Dikasih

Bertimbang rasa adalah sangat reaktif dan responsif. Mungkin ia lebih baik dinyatakan sebagai reseptif.

5. Bertimbang Rasa yang Asli Boleh Dijadikan Pengalaman yang Bermakna

Orang yang dikasih mendapatkan bahawa terdapat minat atau sifat ambil berat daripada orang yang mengasih dan merasai kebaikannya dalam bentuk percakapan dan bahasa badan.

6. Keterbalikan dalam Bertimbang Rasa – Impak Orang yang Dikasih terhadap Orang yang Mengasih

Beberapa persoalan timbul dalam hal ini, seperti apakah faedah yang didapat oleh orang yang mengasih daripada orang yang dikasih, dan apa yang perlu dilakukan untuk menjelaskan hubungan baik tersebut.

7. Bertimbang Rasa dan Tindakan

Motivasi utama dalam mengasih atau mengambil berat akan seseorang haruslah daripada perasaan hendak melindungi, mengembangkan atau membekalkan keperluan kepada mereka. Apabila kita mengasih, kita haruslah mampu untuk memberikan sebab kepada tindakan kita terhadap orang yang dikasih.

Empat komponen etika bertimbangrasa, iaitu:

1. Modeling

Bagaimana untuk mengambil berat dan menyayangi dengan cara membuat hubungan yang baik terhadap mereka. Keupayaan untuk mengambil berat mungkin bergantung kepada pengalaman yang cukup dalam disayangi.

2. Dialog

Melalui aktiviti berdialog, ia memberikan pelajar peluang untuk bertanya dan membantu kedua-dua pihak mencapai keputusan yang seimbang dan dipersetujui.

3. Praktis

Praktis yang diberikan mesti dengan orang yang boleh mendemonstrasikan sikap penyayang, kerana kita tidak mahu anak-anak kita mempelajari kemahiran menyayangi dan mengambil berat tanpa ciri-ciri sikap penyayang.

4. Kepastian

Komponen ini boleh didefinisikan sebagai perlakuan yang menggalakkan yang terbaik daripada orang lain (Martin Buber, 1965). Apabila kita pasti akan seseorang, kita dapat meningkatkan dan menggalakkan perkembangan mereka. Kita boleh melakukan ini hanya sekiranya kita mengenali seseorang dengan cukup rapat untuk mengenalpasti apa yang mereka hendak capai.

Projek ini telah menghasilkan tiga set bahan pengajaran yang dilaksanakan secara berurutan.

(a) "In Other People's Shoes"

Bahan ini menyentuh situasi yang melibatkan hubungan biasa antara individu dengan individu. Dalam mengkaji isu ini pelajar perlu menentukan:

- (i) apa yang perlu dilakukan;
- (ii) menimbang apa yang kesan dan akibat tindakkannya,
- (iii) memahami pandangan orang lain tentang konflik

Contoh konflik dalam situasi adalah isu jantina, umur, bangsa, budaya dan politik.

(b) **"Proving the Rule"**

Melalui bahan ini pelajar dirangsang untuk mengenal pasti peraturan, harapan dan tekanan supaya mereka dapat belajar menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut sesuai dengan pegangan nilai mereka. Situasi yang dikemukakan adalah mengenai hubungan seseorang individu dengan orang lain, di rumah, sekolah dan kawasan sejiran serta konflik-konflik yang wujud dari hubungan tersebut.

(c) **"What Would You Have Done"**

Bahan ini merupakan hasil kajian kes yang dijalankan tentang beberapa masalah budaya di seluruh dunia yang berlaku sekitar abad 20. Situasi yang dikemukakan lebih kompleks dan berkait dengan beberapa tanggungjawab, konflik ras, bencana, sikap penyayang dan masalah dadah.

APLIKASI PENDEKATAN BERTIMBANG RASA

1. Perkembangan Disiplin

Satu pendekatan kepada pengurusan bilik darjah yang melibatkan usaha bersama untuk menghasilkan komuniti bertimbang rasa di dalam bilik darjah, yang mana keperluan setiap pelajar dari segi autonomi, kompeten, dan afeksi adalah seimbang dengan keperluan komuniti untuk memaksimalkan pembelajaran.

2. Pembelajaran Koperatif

Satu pendekatan kepada instruksi akademik, yang mana kanak-kanak bekerja bersama-sama untuk menolong satu sama lain dan mempunyai peluang untuk merasai dan mempraktikkan nilai-nilai prososial seperti keadilan, kerjasama, tanggungjawab dan tolak ansur.

3. Pertolongan

Aktiviti yang memberikan pelajar peluang untuk tindakan prososial di dalam bilik darjah dan sebagainya.

4. Memahami Orang Lain

Fokus kepada membantu kanak-kanak untuk memahami dan memberi empati terhadap sesuatu situasi dan keadaan orang lain melalui literatur, perbincangan dan pengalaman.

5. Meneckan Nilai Prososial

Fokus kepada menerangkan kepentingan nilai prososial dan membantu kanak-kanak melihat perkaitan nilai-nilai dengan tindakan melalui pendedahan kepada karektor dan situasi dalam sejarah dan literatur, serta melalui contoh persendirian.

TOPIK 10 PENDEKATAN PEMBINAAN RASIONAL

Pendekatan pembinaan rasional ini dipelopori oleh Shaver dan Strong (1976) yang memberi penekanan kepada proses penaakulan dan kemahiran membuat analisis terhadap nilai-nilai yang diperlukan oleh seseorang warganegara dalam masyarakat demokrasi.

Kerangka teori pendekatan ini mengandungi tiga bahagian iaitu:

1. Tanggapan tentang Maksud Nilai

Nilai digunakan untuk membuat justifikasi terhadap sesuatu pertimbangan. Oleh kerana itu konflik antara nilai tidak dapat dielakkan.

2. Tanggapan tentang Maksud Demokrasi

setiap individu mempunyai harga diri dan peranan masing-masing dalam masyarakat. Ini bererti setiap individu adalah makhluk berakal dan mempunyai kebolehan membuat pilihan yang rasional dan munasabah. Seperti kebebasan, keadilan, toleransi, perpaduan dan semangat bermasyarakat.

3. Tanggapan tentang Pendidikan Moral dalam Masyarakat Demokrasi

Dalam masyarakat demokrasi, pendidikan moral seharusnya berfokus kepada penggunaan penaakulan dan hak-hak seseorang individu membuat sesuatu pilihan secara bebas dan berautonomi.

Ciri-ciri Utama Pendekatan

Kebolehan Membuat Penaakulan - berupaya menggunakan minda secara logik dan berdasarkan bukti nyata serta munasabah dalam usaha melaksanakan sesuatu perkara

Anggota Masyarakat yang Berupaya Melakukan Penaakulan - berupaya mengeluarkan idea-idea yang cukup bernalas, logik dan munasabah. Pemikiran terbuka bagi menerima teguran walaupun

melibatkan kepentingan sendiri sentiasa diamalkan.

Kebolehan Berfikir Logik dan Terbuka - sikap dan pandangan yang boleh diterima akal serta munasabah. Pertimbangan adalah bergantung kepada keadaan.

Anggota Masyarakat yang Berupaya Berfikir Logik dan Terbuka - perkembangan berfikir dalam membuat pertimbangan moral, dari suatu peringkat yang lebih rendah menuju suatu peringkat yang lebih tinggi

Dewey membahagikan perkembangan moral anak menjadi tiga tahap (level) sebagai berikut:

1. Tahap "premoral" atau "preconventional". Dalam tahap ini tingkah laku seseorang didorong oleh desakan yang bersifat fizikal atau sosial;
2. Tahap "conventional". Dalam tahap ini seseorang mulai menerima nilai dengan sedikit kritis, berdasarkan kepada kriteria kelompoknya.
3. Tahap "autonomous". Dalam tahap ini seseorang berbuat atau beringkah laku sesuai dengan akal pikiran dan pertimbangan dirinya sendiri, tidak sepenuhnya menerima kriteria kelompoknya.

Sekiansila baca modul terlebih dahulu untuk mendapat lebih input.....selamat berjayasalam drp cg zul.